



nab HIB

Segalanya Hiburan

Sabtu 5 Mac 2011

TAMPIL dengan imej lebih sopan selepas agak lama menyepi, penyanyi Noryn Aziz tetap mengelak apabila dijolok dengan persoalan tentang status dirinya kini. Dia masih enggan memberitahu sama ada dirinya sekarang masih solo atau sudah berkahwin dengan seorang VIP seperti khabar angin yang kuat melanda sejak tahun lalu. Sebaliknya saat ditanya tentang kesahihan tersebut, Noryn lebih senang mengunci mulut.

NORYN AZIZ KUNCI MULUT

NORYN mahu dirinya dikenali kerana bakat nyanyiannya, bukan disebabkan kisah peribadi.

DI SEBALIK bersikap agak 'low profile' tanpa sebarang publisiti sejak kebelakangan ini, masih ada kisah hangat yang melanda penyanyi Noryn Aziz apabila dikatakan sudah mendirikan rumah tangga dengan seorang VIP.

Desas-desus mengenai perkara tersebut memang sudah agak lama kedengaran dan menjadi tanda tanya ramai pihak, namun masih belum ada jawapan konkrit yang dinyatakan oleh penyanyi berkenaan.

Berkesempatan untuk bertemu dengannya ketika majlis Prapelancongan Minggu Setiausaha Divas Las Vegas di Pusat Konvensyen Shah Alam (SA-CC) baru-baru ini, dia terus ditanya mengenai status dirinya ketika ini bagi merungkai segala persoalan yang timbul.

Bagaimanapun, agak menghampakan apabila dia tidak mahu menjawab sebarang pertanyaan berkaitan peribadi. Apa yang pasti si empunya diri masih tetap berpegang teguh dengan pendiriannya untuk terus menutup mulut.

"Buat masa ini saya masih belum mahu mengulas atau memberikan sebarang jawapan sama ada saya sudah berkahwin atau tidak. Pada saya, perkara sebegitu adalah teralu peribadi untuk diceritakan terutamanya kepada pihak media dan menjadi tatapan umum.

"Kalau ada sesiapa yang betul-betul mahu tahu tentang status sebenar saya sekarang ini, saya akan beritahu dengan jujur dan ikhlas kalau mereka sendiri datang berjumpa dengan saya," tegasnya.

Meskipun dilihat cukup tenang dan sentiasa melemparkan senyuman ketika menjawab segala pertanyaan yang diajukan, namun Noryn sebenarnya agak kurang selesa apabila kisah peribadinya ke-



glamorama

Oleh RONI HIBAYAT RIDWAN
 hiburan@kosmo.com.my

rap disentuh.

Bukan niat untuk berahsia dan tidak mahu berterus-terang dengan menceritakan perkara sebenar, tetapi jelasnya buat masa ini dia perlu menjaga hati dan perasaan ramai pihak sebelum membuat sebarang kenyataan.

Ujarnya lagi, disebabkan itu dia lebih selesa untuk berdiam diri dan enggan mengulas mengenai kisah perkahwinannya yang hangat diperkatakan itu. Cuma apa yang boleh dikatakannya, kini dia bahagia dengan kehidupan yang dilaluinya.

"Pada saya kalau ada yang sudah tahu itu terpulang. Tetapi saya masih tetap dengan

Trivia

- Mula berkecimpung sebagai penyanyi dengan menyertai kumpulan duo Sisters Sisters.

- Memiliki diploma dalam muzik klasikal di UTM dan Bachelor of Music (Arranging) di International College of Music (ICOM).

- Namanya dikenali ramai sewaktu popular dengan lagu *Fantasi o Realiti*.

- Tidak minat berlakon drama dan filem, sebaliknya Noryn teringin berlakon dalam teater muzikal.

Enggan bicara soal perkahwinan



←← pendirian saya untuk tidak berkata apa-apa. Mungkin saya hanya akan berterus-terang sekiranya sudah tiba masa yang sesuai nanti," ujarnya.

Ketika ditanya mengapa dia berpendirian untuk berahsia mengenai kisah peribadinya, secara jujur Noryn menjelaskan dia mahu para peminat lebih memberi fokus kepada perjalanan kariernya sahaja.

"Boleh dikatakan sudah agak lama saya berkecimpung dalam dunia nyanyian dan bukan mudah untuk mendapat nama seperti sekarang. Jadi, saya hanya ingin dikenali sebagai seorang penyanyi dan bukannya popular kerana kisah peribadi," ujarnya.

Jaja spekulasi

Selain kisah hangat mengenai status dirinya yang masih menjadi pertanyaan ramai pihak, timbul pula cerita kurang enak yang menerjah pemilik nama sebenar Norazmahwati Abd. Aziz itu.

Ketika menceritakan mengenai perjalanan karier seninya ketika ini, Noryn sempat meluahkan rasa kecewanya setelah ada individu tidak bertanggungjawab yang telah menjaja spekulasi mengenai dirinya.

"Saya dikatakan telah bersara dari dunia nyanyian sedangkan cerita itu memang tidak benar sama sekali. Memang saya sendiri terkejut dan hairan bagaimana cerita itu boleh timbul.

"Malah, ada klien yang sering memberi tawaran membuat persembahan selama ini turut percaya dengan cerita berkenaan. Sehingga saya terpaksa menjelaskan kepada mereka perkara sebenar," luahnya.

Tambah Noryn, memandangkan punca rezekinya kini banyak bergantung kepada membuat persembahan di majlis korporat, dia akui spekulasi tersebut turut menjejaskan periuk nasinya.

Menurutnya, meskipun dia masih tidak tahu individu yang bertanggungjawab mereka-reka dan

menyebarkan cerita palsu itu, dia amat berharap dengan kenyataannya ini akan menjawab segala persoalan yang timbul.

"Biarpun sudah sudah lama berkecimpung dalam dunia nyanyian, tetapi buat masa ini saya belum berhasrat dan tidak pernah terfikir lagi untuk bersara," ujarnya.

Ubah penampilan

Masih kekal anggun dan cantik pada usia menjelang 35 tahun, kini para peminatnya tidak akan lagi menyaksikan penampilan Noryn Aziz yang terkenal dengan imej seksi sebelum ini.

Selepas menunaikan fardu haji bersama kedua orang tuanya tahun lalu, dia mula nekad untuk melakukan transformasi terhadap penampilan dirinya yang mahu kelihatan lebih sopan.

"Alhamdulillah, selepas pulang dari Mekah, saya ambil keputusan nekad untuk ubah sedikit demi sedikit cara berpakaian. Saya merasakan sudah tiba masanya untuk saya buang terus imej seksi.

"Cuma buat masa ini saya tidaklah bertudung sepenuhnya, tetapi dengan memakai turban untuk menutup kepala. Apa yang boleh saya katakan, kini saya dalam proses untuk tampil ke arah imej yang lebih Islamik," ujarnya.

Lumrah kepada individu yang sedang berusaha untuk melakukan perubahan ke arah yang lebih positif, Noryn turut mengakui berdepan beberapa cabaran yang cukup hebat.

Antaranya, terdapat beberapa tawaran persembahan yang terpaksa ditolak apabila pihak penganjur mengenakan syarat kepadanya supaya tampil dengan imej yang lebih mendedahkan.

"Jika ada yang meminta saya berbuat demikian, saya akan menerangkan kepada mereka bahawa inilah imej saya sekarang. Tentunya saya tidak akan gadaikan prinsip hidup semata-mata hendak mengikut kehendak mereka.

"Biarpun dengan imej baru ini akan menyebabkan saya semakin kurang mendapat tawaran, tetapi saya percaya segala rezeki yang dikurniakan semuanya adalah ketentuan daripada Allah," luahnya.





Kolaborasi dengan Anita Sarawak

DI SEBALIK kisah perubahan imejnya yang mula menjadi tumpuan ramai, buat julung-julung kalinya dia akan bergandingan dengan penyanyi terkenal Anita Sarawak pada persembahan sempena minggu setiausaha anjuran SACC pada 6 April ini.

Selain menampilkan Anita dan Noryn pada majlis yang bertemakan *Divas Las Vegas* itu, turut menyeronokkan lagi acara berkenaan adalah dua orang artis popular iaitu Zizan Raja Lawak dan Juliana Evans yang tampil sebagai pengacara.

"Ini merupakan satu penghormatan buat saya apabila diundang untuk membuat persembahan bersama Kak Nita. Memang sudah lama saya menyimpan hasrat untuk membuat persembahan di pentas yang sama dengannya.

"Namun pada acara itu nanti kami berdua tidak akan nyanyi berduet. Sebaliknya saya akan membuat persembahan pembukaan kira-kira 30 minit sebelum kemunculan Kak Ni-

ta," ujarnya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif SACC, Datuk Zulkifli Mohamad berkata, pemilihan Anita dan Noryn dibuat berdasarkan kepada kredibiliti mereka sebagai seorang penyanyi yang hebat dan memiliki kelebihan masing-masing.

Ujarnya lagi, dia sangat yakin bahawa kedua-dua penyanyi tersebut akan membuat satu persembahan bertaraf dunia dan tetamu yang datang pasti melalui satu pengalaman yang tidak dapat dilupakan.

"Selain persembahan hebat kedua-dua bintang ini, tetamu turut berpeluang memenangi pelbagai hadiah menarik berupa barang kemas, set perabot mewah dan cenderahati yang bernilai RM100,000," ujarnya.

Menurutnya lagi, bertepatan dengan tema *Divas Las Vegas* yang diperkenalkan itu, setiap tetamu yang hadir juga akan dilayan sebagai seorang diva.

ANITA SARAWAK dan Noryn Aziz bakal menggematkan persembahan sempena minggu di SACC, Shah Alam menjelang 6 April ini.

